



**FAZIL** Zabidi Zakaria menjemur sotong di Kampung Air Tawar, Besut, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

# Peniaga sotong kering raih pendapatan RM70,000 sebulan

UM 21/05/24 M/S 30

Oleh **WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**BESUT:** Seorang pengusaha sotong kering di Kampung Air Tawar di sini, meraih pendapatan lebih RM70,000 sebulan ketika musim panas ini.

Fazil Zabidi Zakaria, 52, berkata, pendapatan meningkat pada musim panas memandangkan proses pembuatan sotong kering menjadi lebih cepat.

Katanya, ketika cuaca pa-

nas proses pengeringan sotong hanya mengambil masa sehari setengah.

“Sotong yang dikeringkan menggunakan cahaya matahari ‘cantik’ teksturnya apabila warnanya berwarna putih berbanding sotong yang dikeringkan secara salai.

“Sekiranya keadaan cuaca tidak menentu, kita terpaksa menggunakan salai selepas jemur bagi memastikan sotong berkenaan betul-betul kering,” katanya ketika ditemui di Kampung Air Tawar, semalam.

Fazil Zabidi berkata, dalam tempoh sebulan, dia menghasilkan 400 kilogram sotong kering menggunakan kira-kira 1,600 kilogram sotong basah.

“Purata satu kilogram sotong kering memerlukan kira-kira empat kilogram sotong segar. Sotong kering dijual pada harga RM180 satu kilogram,” katanya.

Fazil Zabidi memberitahu, sotong kering diusahakannya mendapat permintaan tinggi daripada pembeli dari Kuantan, Ipoh dan Pulau Pinang.